

28/11/1997

Mahathir tiba di Tokyo

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini malam ini untuk lawatan kerja sehari dalam perjalanan pulang daripada menghadiri persidangan pemimpin kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Mohamed Ali dijadual tiba jam 9 malam ini (7 malam waktu Malaysia).

Beliau mempunyai jadual ketat esok, dimulai dengan wawancara dengan akhbar terkemuka Jepun, Nihon Keizai Shimbun dan stesen televisyen Channel 12 Tokyo.

Dalam taklimat kepada wartawan Malaysia hari ini, Duta Malaysia ke Jepun, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid, berkata wawancara itu menyentuh antara lain pendirian Malaysia dalam menghadapi masalah mata wang dan pasaran modal selain mengenai program ekonomi negara dan kepemimpinan beliau dalam Umno.

Kemuncak lawatan Perdana Menteri ke Tokyo ialah majlis dialog tertutup dengan 38 usahawan terkemuka Jepun petang esok.

Dr Mahathir dan usahawan itu yang terdiri daripada presiden dan ketua eksekutif syarikat gergasi seperti Mitsui, Mitsubishi, Toyota, Matsushita, NTT, Daiwa Bank, Yamaichi Research Institute dan Kobe Steel akan bertukar pendapat mengenai pelbagai isu serantau khususnya ekonomi dan kewangan. - Bernama

(END)